



**PEJABAT KETUA PENDAFTAR
MAHKAMAH PERSEKUTUAN MALAYSIA
ISTANA KEHAKIMAN
PUTRAJAYA**

KENYATAAN MEDIA

**PENDENGARAN KES SIVIL DAN JENAYAH BAGI MAHKAMAH SESYEN DAN
MAJISTRET DI MAHKAMAH PETALING JAYA, AMPANG, BANDAR BARU
BANGI DAN KAJANG BERMULA 18 JANUARI 2021**

Selaras dengan hasrat Badan Kehakiman Malaysia untuk memberi akses kepada keadilan kepada semua lapisan masyarakat, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan Malaysia (PKPMP) telah menetapkan bahawa bermula 18 Januari 2021, Mahkamah Sesyen dan Majistret di empat (4) lokasi di Selangor iaitu di Petaling Jaya, Ampang, Bandar Baru Bangi dan Kajang akan mula mendengar kes-kes sivil dan jenayah di bawah bidang kuasa mahkamah masing-masing.

Ketetapan sebelum ini ialah Mahkamah Rendah di Petaling Jaya, Ampang dan Kajang hanya mendengar kes jenayah sahaja. Bagi kes-kes sivil di Petaling Jaya, ia didengar di Mahkamah Shah Alam manakala kes-kes sivil di Ampang dan Kajang pula didengar di Mahkamah Bandar Baru Bangi. Mahkamah Bandar Baru Bangi pula hanya mendengar kes sivil sahaja manakala kes jenayah di Bangi didengar di Mahkamah Kajang.

Oleh yang demikian, bermula 18 Januari 2021, kes-kes sivil dan jenayah hendaklah didaftarkan dan didengar mengikut bidang kuasa tempatan masing-masing bagi Petaling Jaya, Ampang, Bandar Baru Bangi dan Kajang.

Bagi maksud transformasi dan memudahkan proses kerja perjalanan sesuatu kes, sistem e-Kehakiman juga telah diperluas untuk melengkapinya penyusunan semula pendengaran kes-kes sivil dan jenayah di Mahkamah-Mahkamah tersebut.

Badan Kehakiman Malaysia berharap penyusunan semula pendaftaran dan pendengaran kes di bawah kedua-dua bidang kuasa sivil dan jenayah dan perluasan

sistem e-Kehakiman di Mahkamah-Mahkamah ini membolehkan penyampaian keadilan dan pentadbiran Kehakiman menjadi lebih sistematik, sekaligus memudahkan urusan, menjimatkan masa serta perbelanjaan pihak-pihak yang terlibat terutama bagi pemegang-pemegang taruh, saksi dan orang awam di Mahkamah-Mahkamah tersebut.

Sekiranya agensi kerajaan, peguam dan orang awam mempunyai sebarang pertanyaan mengenai perkara di atas, bolehlah menghubungi pegawai-pegawai berikut:

a) **Mahkamah Rendah Malaya**

Tuan M. Bakri bin Abd Majid
Pendaftar Mahkamah Rendah Malaya
03-88809418 / mbakri@kehakiman.gov.my

b) **Mahkamah Negeri Selangor**

Puan Rozilah binti Salleh
Pengarah Mahkamah Negeri Selangor
03-55171306 / rozilah@kehakiman.gov.my

Puan Syajaratudur Binti Abd. Rahman
Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah (Sivil)
Negeri Selangor
03-55171452 / syajaratudur@kehakiman.gov.my

Puan Amanina Binti Mohamad
Penolong Kanan Pendaftar Mahkamah Rendah (Jenayah)
Negeri Selangor
03-55103543 (ext: 1452) / amanina@kehakiman.gov.my

Sekian, terima kasih.

Pejabat Ketua Pendaftar
Mahkamah Persekutuan Malaysia
Istana Kehakiman
Putrajaya

Tarikh: 3 Disember 2020